

**Syed Hamid Tidak Pertahan Jawatan Ketua Umno Bahagian Kota Tinggi  
Bernama  
3 Sept, 2013**

KOTA TINGGI, 3 Sept (Bernama) -- Ketua Umno Bahagian Kota Tinggi Tan Sri Syed Hamid Albar hari ini mengumumkan tidak akan mempertahankan jawatan tersebut dalam pemilihan bahagian itu pada 19 Okt nanti bagi memberi peluang kepada muka baharu untuk menerajunya.

Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) itu berkata keputusan itu diambil kerana merasakan khidmatnya kepada parti selama ini telah memadai dan sudah tiba masa untuk orang lain mengambil alih perjuangannya.

"Kita perlu mengambil kira bahawa dunia telah berubah, bagi mereka yang tidak layak bertanding tak usahlah bertanding," katanya ketika ditemui pada rumah terbuka Aidilfitri di kediamannya di Kampung Jawa di sini hari ini.

Menurutnya dalam konteks transformasi yang cuba dilakukan oleh Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak, Umno memerlukan golongan muda yang berwibawa dan idea baharu untuk sama-sama memimpin parti.

Syed Hamid, 69, menyandang jawatan sebagai Ketua Umno Bahagian Kota Tinggi sejak September 1993.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=974766>